

**PEKELILING BERKENAAN PELAKSANAAN DAN PENGESAHAN PERMIT
(VALIDATION OF PERMIT) DI BAWAH AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010
(STA) MELALUI SISTEM ePERMIT DAN SISTEM MAKLUMAT KASTAM (SMK)**

Berhubung dengan perkara di atas, dimaklumkan bahawa mulai **1 MAC 2012**, SMK akan membuat **PENGESAHAN (VALIDATION)** terhadap semua permit di bawah STA.

2. Sehubungan itu, semua permohonan permit di bawah STA hendaklah dilakukan secara atas talian (*online*) melalui laman sesawang <http://www.mytradelinks.gov.my> yang dikendalikan oleh Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (DNT) kecuali sekiranya mendapat kebenaran khas daripada Pengawal Perdagangan Strategik secara bertulis. Carta aliran permohonan permit secara atas talian adalah seperti di **LAMPIRAN I**.

3. Semasa pengisytiharan, pengeksport/ syarikat dikehendaki membuat pengisytiharan sama ada barang yang dieksport tertakluk kepada STA di medan wajib Borang K2 dan K8 Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Pengeksport/ syarikat hendaklah **HANYA** memilih kotak '**YES**' dan memasukkan nombor permit STA sekiranya **KEDUA-DUA PERKARA** berikut **ADALAH BENAR**:

- (i) barang yang hendak dieksport adalah barang strategik atau barang tidak tersenarai *; **DAN**
- (ii) barang hendak dibawa keluar dari Malaysia (*direct export*).

Nota : * merujuk kepada tafsiran barang tidak tersenarai dalam STA.

4. Sekiranya **SALAH SATU ATAU KEDUA-DUA PERKARA DI ATAS TIDAK BENAR**, pengeksport/ syarikat hendaklah memilih kotak '**NO**' yang memberi maksud bahawa pengeksport/ syarikat tersebut membuat pengisytiharan yang barang tersebut tidak tertakluk kepada STA dan tidak memerlukan permit untuk eksport.

23 Disember 2011

Pengawal Perdagangan Strategik
Sekretariat Perdagangan Strategik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
Malaysia

CARTA ALIRAN PERMOHONAN PERMIT SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)

